



Jainab (dua dari kanan) bersama Dr Ismail (dua dari kiri), rakan sekerja serta pelajar **sedih dan sayu ketika bertafakur** di Blok Pendidikan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu.  
[FOTO IZHARI ARIFFIN/BH]

BH 23.8.2014 12

# Warga UMS merindui Jessie

**Kota Kinabalu:** "Selamat tinggal Jessie, selamat tinggal sayang... kami warga UMS sentiasa menangisi dan merinduimu".

Demikian kata Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Ismail Ibrahim, pada istiadat perkabungan bagi memperingati mangsa tragedi MH17, termasuk pensyarah fakulti itu, Ng Shi Ing, 33, atau Jessie.

Majlis dilangsungkan di Dewan Psikologi dan Pendidikan UMS, turut menayangkan klip video gambar kenangan memaparkan keletah Shi Ing, yang mengundang hiba sehingga beberapa rakan karib serta pelajar

menitiskan air mata.

## Tangisi pemergian

"Seperti kaca terhempas ke batu, berkecaci harapan, berderai menjadi debu, warga UMS turut mengalirkan air mata yang sama limpahnya ketika pengumuman pesawat MH17 terhempas. Beliau (Shi Ing) sentiasa dikagumi dan disayangi rakan setugas... UMS kehilangan pensyarah yang sukar dicari ganti," kata Ismail.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah, Datuk Jainab Ahmad; Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Timbalan Naib

Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Madya Dr Ismail Ali.

Pensyarah itu bersama anak lelakinya, Benjamin Lee Jian Han, 1, serta adik perempuan, Elisabeth Ng Lye Ti, 30, adalah antara 43 rakyat Malaysia yang terkorban dalam tragedi 17 Julai berkenaan. Shi Ing berkhidmat hampir tiga tahun di UMS sejak 19 September 2011.

Ismail berkata, beliau dimaklumkan oleh suami mangsa, Lettenan Komander Lee Vee Weng mayat mendiang sudah dikenal pasti dan dijangka dibawa pulang dari Belanda hari ini sebelum tiba di tanah air esok, tetapi tidak pasti nasib anak mereka.